

# REPRESENTASI KESAKRALAN DALAM RITUAL *BEDARA*: KAJIAN BUDAYA VISUAL MASYARAKAT IBAN DI RUMAH NGINDANG, RANTAU KEMAYAU MANIS, ULU ENKGARI, LUBOK ANTU

*(Representation of Sacredness in the Bedara Ritual: A Visual Culture Study of the Iban Community at Rumah Ngindang, Rantau Kemayau Manis, Ulu Engkari, Lubok Antu)*

Gregory anak Kiyai

gregory.kiyai@um.edu.my

Fakulti Seni Kreatif, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

Rujukan makalah ini (To cite this article): Gregory anak Kiyai. (2026). Representasi kesakralan dalam ritual *bedara*: Kajian budaya visual masyarakat Iban di rumah Ngindang, Rantau Kemayau Manis, Ulu Engkari, Lubok Antu. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 19(2), 199–222. [https://doi.org/10.37052/jm.19\(2\)no1](https://doi.org/10.37052/jm.19(2)no1)

|           |           |          |           |           |           |                      |           |
|-----------|-----------|----------|-----------|-----------|-----------|----------------------|-----------|
| Peroleh:  | 19/5/2026 | Semakan: | 13/7/2026 | Terima:   | 29/7/2026 | Terbit dalam talian: | 31/7/2026 |
| Received: |           | Revised  |           | Accepted: |           | Published online     |           |

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda (*This article has undergone a double-blind peer review process*)

## Abstrak

Adat *bedara* merupakan satu daripada ritual tradisional masyarakat Iban di Sarawak yang masih diamalkan sebagai medium untuk memohon kesejahteraan, keselamatan, kesihatan dan keberkatan hidup. Walaupun ritual ini terus diamalkan dalam kalangan komuniti rumah panjang, kajian mengenainya dari perspektif budaya visual masih kurang dibincangkan dalam konteks visual budaya. Kajian budaya visual ialah bidang penyelidikan antara disiplin yang meneliti cara imej, objek, simbol, persembahan, ruang dan amalan visual penghasilan, serta penyampaian makna dalam sesuatu budaya. Bidang ini memberikan tumpuan kepada cara masyarakat melihat, mentafsir dan memahami dunia melalui pengalaman visual yang dibentuk oleh konteks sosial, budaya, agama dan sejarah. Kajian budaya visual membolehkan penyelidik meneliti cara unsur visual, seperti piring persembahan, susunan ruang ritual, warna, objek sakral dan gerak perlakuan ritual dalam upacara *Bedara* mewakili dan mengkomunikasikan makna kesucian, kosmologi dan hubungan antara masyarakat Iban dengan alam spiritual. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan etnografi yang dijalankan di Rumah Ngindang, Rantau Kemayau Manis, Ulu Engkari, Sarawak. Data

dikumpulkan melalui pemerhatian turut serta, temu bual separa berstruktur, dokumentasi visual dan analisis dokumen. Hasil dapatan menunjukkan bahawa adat *bedara* melibatkan penyediaan *piring*, penggunaan tekstil ritual, pakaian tradisional, simbol warna dan pelbagai objek budaya yang mempunyai makna simbolik dalam kosmologi Iban. Ritual ini bukan sahaja berfungsi sebagai medium komunikasi dengan *Petara*, *orang Panggau* dan roh nenek moyang, tetapi turut bertindak sebagai mekanisme pemeliharaan memori budaya dan identiti komuniti. Selain memperkukuh hubungan spiritual, pelaksanaan *bedara* juga mengeratkan hubungan sosial dalam kalangan penghuni rumah panjang melalui pelibatan kolektif bagi persiapan dan pelaksanaan ritual. Kajian ini menyimpulkan bahawa adat *bedara* merupakan warisan budaya yang masih hidup dan berfungsi sebagai medium representasi visual yang mengekalkan pengetahuan, nilai dan identiti masyarakat Iban dalam konteks kontemporari.

Kata kunci: Agama tradisional peribumi, budaya visual, Iban, perwakilan suci, ritual *bedara*, simbolisme ritual.

### ***Abstract***

*Adat bedara is one of the traditional rituals of the Iban community in Sarawak that is still practised as a medium for seeking well-being, safety, health, and blessings in life. Although this ritual continues to be practised in the longhouse community, studies on it from the visual-culture perspective remain underexplored. Visual Culture Studies is an interdisciplinary field of research that examines how images, objects, symbols, performances, spaces, and visual practices produce and convey meaning within a culture. This field focuses on the way communities see, interpret, and understand the world through visual experiences shaped by social, cultural, religious, and historical contexts. Visual culture studies allow researchers to examine how visual elements such as offering piring, ritual space arrangements, colours, sacred objects, and ritual behaviours in the bedara ceremony represent and communicate the meaning of purity, cosmology, and the Iban community's relationship with the spiritual realm. This study employs a qualitative approach based on ethnography conducted at Rumah Ngindang, Rantau Kemayau Manis, Ulu Engkari, Sarawak. Data were collected through participant observation, semi-structured interviews, visual documentation, and document analysis. The findings show that adat bedara involves preparing piring, as well as the use of ritual textiles, traditional clothing, colour symbolism, and various cultural objects with symbolic significance in Iban cosmology. This ritual not only serves as a medium of communication with Petara, orang Panggau, and ancestral spirits, but also as a mechanism for preserving cultural memory and community identity. In addition to strengthening spiritual ties, the practice of*

*bedara also fosters stronger social ties among longhouse residents through collective involvement in preparing and performing rituals. This study concludes that adat bedara constitutes a living cultural heritage and serves as a medium of visual representation that preserves the knowledge, values, and identity of the Iban community in a contemporary context.*

*Keywords: Indigenous religion, visual culture, Iban, sacred representation, bedara ritual, ritual symbolism.*

## PENDAHULUAN

Budaya visual merujuk cara sesebuah masyarakat menghasilkan, menggunakan dan mentafsir imej, simbol, objek dan ruang yang membawa makna dalam kehidupan sosial mereka (Hall, 1997; Mirzoeff, 1999). Dalam konteks masyarakat peribumi, budaya visual tidak hadir melalui karya seni atau artifak material semata-mata, tetapi turut dizahirkan melalui ritual, upacara dan amalan budaya yang melibatkan penggunaan objek, warna, pakaian, pergerakan dan ruang yang sarat dengan makna simbolik. Elemen warisan tersebut merupakan cara dan pemindahan ilmu secara kolektif bagi sesebuah komuniti bagi membentuk dan menyampaikan sistem pengetahuan, identiti dan pandangan dunia kepada generasi akan datang agar berterusan dan berkesinambungan dalam kalangan masyarakatnya.

Masyarakat Iban di Sarawak mempunyai tradisi ritual yang kaya dengan elemen visual yang berfungsi sebagai medium komunikasi budaya. Pelbagai objek, seperti *pua kumbu* bukan sahaja mempunyai fungsi praktikal, tetapi turut mengandungi makna simbolik yang berkait rapat dengan kosmologi, hierarki sosial dan hubungan antara manusia dengan dunia spiritual (Sandin, 1967; Sather, 2001; Gavin, 2003). Dalam konteks ini, ritual dapat difahami sebagai suatu bentuk representasi budaya yang memperlihatkan cara masyarakat Iban memvisualisasikan kepercayaan, memori dan identiti melalui objek dan perlakuan ritualnya. Identiti merupakan sebuah representasi yang mewakili dan mempunyai makna yang signifikan bagi sesebuah budaya masyarakat. Identiti budaya juga merupakan satu himpunan unsur intelektual dan material yang diwarisi dari generasi ke generasi. Selain itu, identiti budaya bukanlah sesuatu yang tetap dan statik, sebaliknya, identiti budaya merupakan proses yang sentiasa berkembang dan dibina berdasarkan sejarah, masa depan dan perubahan sosial. Identiti juga turut dilihat tentang apa dan siapa diri mereka dalam kerangka budaya yang meluas dan berbilang pada dunia (Hall, 1990; Mohd Taib Osman, 1988; Ting-Toomey, 2013).

Satu daripada ritual yang masih diamalkan dalam beberapa komuniti Iban di Sarawak ialah adat *bedara*. Ritual ini dilaksanakan untuk memohon kesejahteraan, keselamatan, kesihatan dan keberkatan hidup melalui penyediaan *piring* (persembahan yang berisi makanan) dan bacaan *leka sampi* (doa). Walaupun tujuan utama ritual

ini bersifat spiritual untuk keperluan doa dan pertolongan daripada Tuhan, namun pelaksanaan ritual dan adat memperlihatkan pembentukan sistem visual yang kompleks melalui penggunaan bahan ritual, susunan objek, warna, tekstil, pakaian dan ruangan yang digunakan untuk upacara. Setiap komponen budaya *piring* yang digunakan dalam ritual mempunyai makna tertentu dan disusun mengikut aturan adat yang diwarisi secara turun-temurun oleh masyarakat Iban di rumah panjang. Oleh itu, ritual *bedara* bukan sahaja boleh difahami sebagai amalan keagamaan tradisional, tetapi juga sebagai suatu bentuk budaya visual yang memperlihatkan cara masyarakat Iban mengorganisasikan dan mengekspresikan pengetahuan budayanya (Freeman, 1970; Harisson, 1966).

Menurut adat Iban, *bedara* terbahagi kepada dua kategori utama, iaitu *bedara mata* dan *bedara mansau*. *Bedara mata* atau *bedara mentah* biasanya dilaksanakan dalam bilik keluarga (*bilik*) dengan menggunakan bahan persembahan yang belum dimasak. Sebaliknya, *bedara mansau* atau *bedara masak* diadakan di ruang awam rumah panjang yang dikenali sebagai *ruai* dan melibatkan penyediaan makanan yang telah dimasak untuk tujuan persembahan ritual. Walaupun berbeza dari segi lokasi dan bentuk persembahan, kedua-dua kategori ini mempunyai tujuan yang sama, iaitu mewujudkan hubungan antara manusia dengan dunia spiritual melalui amalan doa, persembahan dan pematuhan terhadap adat yang diwarisi turun-temurun (Sandin, 1967; Sandin, 1977; Sather, 2001).

Selain berfungsi sebagai medium komunikasi spiritual, *bedara* turut memperlihatkan penggunaan pelbagai objek, tekstil, warna, susunan ruang dan simbol yang membentuk satu sistem budaya visual yang tersendiri. Penggunaan *piring* (sajian yang berisi makanan), *pua sungkit* (tekstil tenun Iban), *ngepan Iban* (busana tradisional Iban), benang merah, darah korban dan aturan penyusunan persembahan bukan sahaja mempunyai fungsi ritual, tetapi juga mengandungi makna budaya yang mencerminkan kosmologi, identiti dan memori kolektif masyarakat Iban. Oleh itu, ritual *bedara* bukan sekadar dapat difahami sebagai amalan keagamaan tradisional, tetapi juga sebagai bentuk representasi visual yang menzahirkan hubungan antara manusia, budaya dan dunia spiritual.

Menurut Hall (1997), representasi merupakan proses penghasilan makna melalui bahasa, imej dan simbol yang dikongsi oleh sesebuah masyarakat. Dalam ritual *bedara*, objek seperti *piring*, ayam korban, benang merah, daun *kelait* (sejenis daun hutan), *senupat* (ketupat yang dianyam kemudian diisi dengan beras), dan *pua sungkit* (tekstil tenun Iban) berfungsi sebagai simbol budaya yang mewakili hubungan antara manusia dengan *Petara* (Tuhan), *Orang Panggau* (dewa-dewi Iban), serta roh nenek moyang. Makna objek tersebut tidak terletak pada bentuk fizikalnya semata-mata, tetapi dibentuk melalui sistem kepercayaan dan pengalaman kolektif masyarakat Iban. Oleh itu, analisis terhadap ritual *bedara* membolehkan pemahaman yang lebih mendalam tentang cara makna budaya dihasilkan dan dipersembahkan melalui bentuk visual.

Selain itu, ritual *bedara* juga dapat ditafsirkan sebagai mekanisme untuk memelihara memori budaya. Assmann (2011) menjelaskan bahwa memori budaya dipelihara melalui simbol, ritual dan objek yang diulang secara kolektif oleh sesebuah komuniti. Dalam masyarakat Iban, pengetahuan mengenai penyediaan *piring*, aturan ritual, penggunaan tekstil, dan simbol tertentu diwariskan melalui pengamatan, pengalaman dan pelibatan langsung dalam ritual. Melalui proses tersebut, ritual *bedara* berfungsi sebagai ruang pemindahan pengetahuan budaya yang memastikan kesinambungan identiti dan warisan masyarakat Iban.

Walaupun terdapat banyak kajian mengenai ritual dan kosmologi masyarakat Iban (Masing, 1981; Sandin, 1967; Sather, 2001), kajian yang meneliti adat *bedara* dari perspektif budaya visual masih kurang dibincangkan dalam konteks visual budaya. Walaupun pelbagai kajian terdahulu mendokumentasikan ritual dan sistem kepercayaan masyarakat Iban, perhatian yang diberikan terhadap aspek budaya visual masih terhad. Kebanyakan kajian lebih menumpukan pada prosedur ritual, fungsi sosial dan kepercayaan kosmologi, manakala penelitian tentang cara makna kesakralan direpresentasikan dan dikomunikasikan secara visual melalui objek ritual, susun atur ruang dan simbolisme performatif dalam ritual *bedara* masih kurang mendapat perhatian. Oleh itu, terdapat keperluan untuk meneroka dimensi budaya visual dalam ritual *bedara* bagi memahami cara unsur visual berperanan bagi membentuk, menyampaikan dan mengekalkan makna kesucian dalam kalangan masyarakat Iban. Kajian ini memfokuskan tiga objektif utama, iaitu (i) kepentingan ritual dalam budaya Iban, (ii) ritual *bedara* sebagai medium komunikasi dengan entiti spiritual, dan (iii) kepentingan representasi visual dalam pelaksanaan ritual.

## KAJIAN LEPAS

Kajian mengenai masyarakat Iban telah lama memberi perhatian kepada hubungan antara ritual, kosmologi dan kehidupan sosial komuniti. Antara karya terawal yang menjadi rujukan utama ialah kajian oleh Sandin (1967), yang menghuraikan sistem kepercayaan tradisional Iban sebelum era pemerintahan Brooke. Kajian tersebut menunjukkan bahawa kehidupan masyarakat Iban dipengaruhi oleh hubungan yang rapat dengan *Petara*, *Orang Panggau* dan roh nenek moyang yang dipercayai berperanan penting bagi menentukan kesejahteraan manusia. Kepercayaan ini kemudiannya diterjemahkan melalui pelbagai bentuk ritual, adat dan amalan budaya yang diwariskan secara turun-temurun.

Peranan ritual dalam masyarakat Iban turut dibincangkan secara mendalam oleh Masing (1981, 1998). Pengkaji ini menjelaskan bahawa ritual berfungsi sebagai medium komunikasi antara manusia dengan dunia spiritual melalui penggunaan *leka main* (tradisi lisan Iban), invokasi dan persembahan ritual. Kajian tersebut memperlihatkan bahawa ritual bukan sekadar amalan keagamaan, tetapi turut menjadi mekanisme untuk

mengekalikan pengetahuan budaya, sejarah dan pandangan dunia masyarakat Iban. Pandangan yang sama turut dikemukakan oleh Uchibori (1986) yang menegaskan bahawa tradisi lisan dan ritual Iban, iaitu *sabak* (tangisan untuk mengiringi roh orang mati) berperanan dalam mengekalikan memori kolektif komuniti melalui proses pengulangan dan pewarisan budaya, serta memperlihatkan suatu hubungan erat unsur tradisi lisan ini dengan budaya hidup masyarakat Iban di rumah panjang.

Sather (2001) memperluas lagi pemahaman mengenai ritual Iban melalui dokumentasi nyanyian ritual, amalan penyembuhan dan hubungan antara manusia dengan kuasa luar biasa. Menurut Sather, ritual merupakan ruang yang menghubungkan pengalaman harian dengan kosmologi masyarakat Iban. Melalui ritual, nilai budaya dan sistem kepercayaan terus dipelihara walaupun masyarakat menghadapi perubahan sosial dan perubahan agama. Kajian terdahulu dilihat sangat cenderung memfokuskan pada upacara dan ritual yang dilihat sangat sakral dalam budaya Iban, seperti *Gawai Kenyalang*, *Sugi Sakit* (upacara dan ritual berubat orang sakit bagi masyarakat Iban di Saribas) dan *Leka Sabak* (upacara mengiringi roh orang mati melalui ratapan tagisan) (Davenport, 2000; Sather, 2016, 2021). Namun begitu, ritual dan upacara *bedara* yang kurang menonjol kerana terlalu sakral perlaksanaanya dalam ritual dan upacara tradisional Iban masih kurang dibincangkan atau diperdebatkan oleh sarjana dalam konteks budaya Iban.

Kajian ini melihat kerangka teori representasi Hall (1997) sebagai kerangka analisis untuk mentafsir makna simbolik objek ritual *bedara*. Hall menegaskan bahawa makna tidak wujud secara semula jadi pada sesuatu objek, sebaliknya dibentuk melalui sistem representasi dan kod budaya yang dikongsi oleh masyarakat. Dengan berdasarkan kerangka ini, piring, *pua sungkit*, *ngapan Iban*, darah korban dan bahan ritual yang lain ditafsirkan sebagai simbol yang merepresentasikan hubungan antara manusia dengan dunia spiritual dalam kosmologi Iban. Sementara itu, perspektif budaya visual Mirzoeff (1999) digunakan sebagai kerangka pelengkap untuk memahami ritual *bedara* sebagai persembahan visual yang melibatkan susunan objek, tekstil, warna, pergerakan tubuh dan penggunaan ruang. Pendekatan ini membolehkan ritual difahami bukan sahaja melalui makna simbolik setiap objek, tetapi juga melalui pengalaman visual yang membentuk identiti budaya masyarakat Iban.

Selain itu, kajian mengenai budaya material Iban turut menyumbang kepada pemahaman tentang aspek visual dalam ritual Iban, contohnya penggunaan *pua kumbu* sebagai objek budaya yang bersifat pelindung dan perisai dalam perlaksanaan ritual, seperti upacara *miring* (doa yang dibuat menggunakan persembahan makanan), *Gawai* dan *belian* (ritual penyembuhan tradisional Iban). Hal ini menunjukkan bahawa objek budaya, seperti *pua*, bukan hanya hadir sebagai kraft, tetapi berfungsi dan berkait rapat dengan kosmologi dan kepercayaan masyarakat Iban untuk keperluan ritual dan upacara adat (Gavin, 2003). Heppell et al. (2005) juga menjelaskan bahawa objek budaya dan seni Iban mengandungi pelbagai simbol yang mencerminkan hubungan antara manusia, alam dan dunia spiritual, terutamanya yang berkaitan dengan mimpi,

adat istiadat, kearifan tempatan dan sejarah nenek moyang orang Iban. Penemuan ini menunjukkan bahawa objek yang digunakan dalam ritual mempunyai makna yang melangkaui fungsi materialnya, namun turut refleksi kepada dunia orang Iban itu sendiri. Begitu juga dengan kajian Gregory Kiyai @ Keai (2024) mengenai *Papan Turai Gawai Batu* (sejenis kayu yang diukir dengan motif piktograf untuk *lemambang* mengingati doa-doa dan tradisi lisan Iban) memperlihatkan cara objek budaya tersebut berfungsi bagi menyimpan dan menyampaikan pengetahuan simbolisme dan kepercayaan yang digambarkan dalam upacara ritual masyarakat Iban. Kajian tersebut menunjukkan bahawa simbol dan piktograf pada *Papan Turai* bukan sahaja berfungsi sebagai alat bantuan ingatan, tetapi juga bertindak sebagai medium untuk memelihara pengetahuan budaya. Penemuan ini menunjukkan bahawa masyarakat Iban telah lama menggunakan sistem visual yang berbentuk piktograf sebagai medium komunikasi dan pemindahan pengetahuan sebelum kewujudan sistem tulisan moden.

Dari sudut teori memori budaya berdasarkan penelitian Assmann (2011) menjelaskan bahawa ritual, simbol dan objek budaya merupakan medium penting untuk mengekalkan kesinambungan memori sesebuah komuniti. Memori budaya tidak hanya disimpan dalam bentuk teks, tetapi dipelihara melalui amalan yang diulang secara kolektif dari satu generasi ke generasi yang lain. Dalam konteks ini, ritual *bedara* dapat difahami sebagai mekanisme yang membolehkan masyarakat Iban mengekalkan hubungan dengan warisan budaya, sistem kepercayaan dan identiti komunitinya. Melalui penyediaan *piring*, penggunaan objek ritual dan pelaksanaan adat yang diwarisi turun-temurun, pengetahuan budaya terus dipindahkan kepada generasi baharu.

Dengan berdasarkan kajian lepas, jelaslah bahawa kajian terdahulu banyak membincangkan ritual, kosmologi, tradisi lisan dan budaya material masyarakat Iban, lebih kepada idea tentang hubungan ritual dan upacara orang Iban dalam konteks hubungannya dengan Tuhan yang disebut sebagai *Petara*. Namun demikian, kajian yang meneliti adat *bedara* secara khusus dari perspektif budaya visual masih kurang ditelusuri dan dibincangkan secara khusus dalam kajian budaya. Kebanyakan kajian memberikan penekanan pada fungsi ritual dan aspek kepercayaan, tetapi kurang diberikan perhatian pada dimensi visual yang terkandung dalam susunan *piring*, penggunaan tekstil, simbolisme objek dan pembentukan ruang ritual. Oleh itu, kajian ini berusaha untuk mengisi jurang tersebut dengan meneliti adat *bedara* sebagai suatu bentuk budaya visual yang memperlihatkan hubungan antara representasi, memori budaya dan identiti masyarakat Iban.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan kaedah etnografi untuk memahami pelaksanaan adat *bedara* dan makna budaya yang terkandung dalam ritual tersebut dalam kalangan masyarakat Iban. Pendekatan etnografi dipilih kerana pendekatan ini membolehkan penyelidik memperoleh pemahaman yang mendalam

terhadap pengalaman, kepercayaan, amalan dan tafsiran yang diberikan oleh komuniti terhadap ritual yang diamalkan dalam kehidupan seharian (Creswell & Poth, 2016). Menerusi pendekatan ini, penyelidik dapat mendokumentasikan bukan sahaja perlakuan ritual, tetapi juga simbolisme, nilai dan pandangan dunia yang mendasari amalan tersebut.

Kerja lapangan dijalankan di Rumah Ngindang, Rantau Kemayau Manis, Ulu Engkari, Lubok Antu, Sarawak. Lokasi ini dipilih kerana komuniti Iban di kawasan tersebut masih mengamalkan adat dan ritual tradisional secara aktif, termasuklah pelaksanaan *bedara* yang menjadi fokus kajian. Kajian lapangan dijalankan ketika berlangsungnya ritual *bedara*, membolehkan penyelidik melakukan pemerhatian secara langsung terhadap keseluruhan proses ritual bermula daripada persiapan *piring*, penghantaran persembahan ke *ruai*, pelaksanaan *leka sampi*, upacara korban sehingga jamuan selepas ritual.

Data kajian diperoleh melalui beberapa kaedah pengumpulan data. Pertama, pemerhatian turut serta (*participant observation*) digunakan bagi membolehkan penyelidik menyaksikan secara langsung pelaksanaan ritual dan merekodkan penggunaan objek, simbol, ruang dan interaksi sosial yang berlaku sepanjang upacara. Pemerhatian ini disokong dengan dokumentasi visual melalui rakaman fotografi dan catatan lapangan bagi merekodkan susunan *piring*, penggunaan tekstil, pakaian ritual dan elemen visual lain yang berkaitan dengan kajian budaya visual.

Kedua, temu bual separa berstruktur dijalankan dengan 12 orang informan utama yang terlibat secara langsung dalam ritual. Informan terdiri daripada *tuai rumah*, *tuai adat*, *tuai piring*, *indu piring* dan penduduk rumah panjang yang mempunyai pengetahuan mengenai adat *bedara*. Pemilihan informan dilakukan menggunakan kaedah pensampelan bertujuan (*purposive sampling*), iaitu memilih individu yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang berkaitan dengan ritual yang dikaji (Patton, 2015). Bagi mendapatkan maklumat tambahan daripada individu yang dikenal pasti oleh informan utama, kaedah pensampelan bola salji (*snowball sampling*) turut digunakan.

Selain temu bual dan pemerhatian, kajian ini turut menggunakan kaedah analisis dokumen bagi menyokong dapatan lapangan. Analisis dilakukan terhadap penulisan terdahulu yang berkaitan dengan ritual Iban, kosmologi, budaya material, budaya visual dan memori budaya. Sumber ini digunakan untuk memahami konteks sejarah dan membandingkan hasil dapatan lapangan dengan pengetahuan sedia ada dalam literatur akademik. Bagi menganalisis data pemerhatian turut serta, dokumentasi visual di lapangan, dan temu bual separa struktur, pendekatan analisis tematik seperti yang dinyatakan oleh Braun dan Clarke (2006) digunakan. Kemudian dapatan tersebut ditranskripsikan, dikodkan dan dikelompokkan mengikut tema utama yang dibincangkan dalam dapatan kajian.

Kajian ini menggabungkan teori representasi oleh Hall (1997) dan teori memori budaya oleh Assmann (2011). Teori representasi digunakan untuk menganalisis cara objek ritual, seperti *piring*, *pua sungkit*, *ngepan Iban* dan bahan persembahan berfungsi sebagai simbol budaya yang menghasilkan makna dalam komuniti Iban. Sementara itu, teori memori budaya digunakan untuk memahami cara ritual *bedara* bertindak sebagai medium pemeliharaan dan pemindahan pengetahuan budaya, kepercayaan dan identiti komuniti dari satu generasi kepada generasi yang lain. Penggunaan pelbagai kaedah pengumpulan data melalui temu bual, pemerhatian, dokumentasi visual dan analisis dokumen membolehkan proses triangulasi dilakukan bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian (Denzin, 2017). Pendekatan ini membolehkan penyelidik memperoleh pemahaman yang lebih menyeluruh tentang adat *bedara* sebagai satu bentuk budaya visual yang masih hidup dan diamalkan dalam masyarakat Iban kontemporari.

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menjelaskan bahawa penduduk di Rumah Ngindang, Rantau Kemayau Manis di Ulu Engkari Lubok Antu masih meneruskan tradisi nenek moyang terhadap adat dan istiadat budayanya, iaitu ritual dan upacara *bedara*, iaitu *bedara mansau*. Dapatan ini menjelaskan dan memperlihatkan secara visual dan menggunakan penulisan etnografi tentang perlaksanaan, persediaan dan makna ritual dan upacara adat *bedara* Iban.

### Persediaan *Piring* untuk Ritual dan Upacara *Bedara*



**Rajah 1** Wanita yang dikenali sebagai *indu piring* sedang menyediakan kelengkapan untuk kegunaan upacara dan ritual *bedara* yang berlangsung keesokan harinya. (Sumber: Koleksi penyelidik, 2025. Kerja lapangan di Rumah Ngindang, Rantau Kemayau Manis, Ulu Engkari, Lubok Antu).

Persediaan untuk upacara *bedara* lazimnya dimulakan sehari sebelum ritual berlangsung. Pada waktu ini, sekumpulan wanita yang dikenali sebagai *indupiring* berperanan penting bagi menyediakan pelbagai bahan yang diperlukan untuk tujuan persembahan ritual. Ketika kerja lapangan dijalankan di Rumah Ngindang, Rantau Kemayau Manis, Ulu Engkari, penyelidik berpeluang menyaksikan sendiri proses penyediaan tersebut yang dilakukan dengan teliti dan penuh tertib mengikut adat yang diwarisi turun-temurun.

Antara bahan utama yang disediakan ialah air *tuak* (tapai beras), *senupat* (ketupat yang dianyam kemudian diisi dengan beras), telur ayam, buah pinang, beras, daun sirih, kapur, benang merah, *rendai* (bertih beras yang disanggai), *tumpi* (sejenis kuih tradisional Iban yang diperbuat daripada tepung beras), daun *kelait* (sejenis daun hutan) dan *rokok apung* (rokok kirai atau rokok daun). Sebahagian besar bahan yang berasaskan daun akan digulung atau diikat menggunakan benang merah sebelum disusun sebagai komponen dalam *piring* persembahan. Menurut informan, setiap bahan memiliki fungsi dan simbolisme yang tersendiri dalam konteks hubungan antara manusia dan dunia spiritual. Contohnya, *air tuak* (air tapai) bertujuan untuk kesejahteraan dan tanda damai, serta panjang umur, telur ayam merupakan lambang awal kehidupan dan dunia yang hidup bagi masyarakat Iban, *rendai* dan *tumpi* ialah simbol rezeki yang berlimpah kepada orang Iban, sirih dan buah pinang pula menjadi lambang tanda keikhlasan hati, fikiran yang baik dan tanda hormat kepada *Petara* (tuhan).



**Rajah 2** Bahan yang digunakan dalam upacara dan ritual *bedara*. (Sumber: Koleksi penyelidik, 2025. Kerja lapangan di Rumah Ngindang, Rantau Kemayau Manis, Ulu Engkari, Lubok Antu).

Semua bahan tersebut kemudiannya disusun dalam tujuh dulang, dengan setiap dulang mengandungi satu set lengkap bahan yang sama. Angka tujuh dianggap sebagai angka sakral dalam kosmologi dan kepercayaan tradisional Iban,

khususnya dalam amalan *pengarap lama* (agama tradisional Iban). Penggunaan tujuh set bahan ini bukan sahaja mematuhi adat ritual, malah melambangkan kesempurnaan persembahan yang ditujukan kepada *Petara* (Tuhan). Bagi masyarakat Iban, bahan yang diletakkan dalam *piring* berfungsi sebagai simbol makanan dan jamuan kepada *Petara* (Tuhan) dan dewa-dewi yang diundang untuk hadir dalam upacara tersebut. Mereka dipercayai berasal dari alam kayangan yang dikenali sebagai *Panggau Libau*, iaitu dunia suci yang sering disebut dalam naratif ritual dan *leka main* (tradisi lisan Iban).



**Rajah 3** Proses menganyam dan mengisi beras pulut ke dalam *senupat*. (Sumber: Koleksi penyelidik, 2025. Kerja lapangan di Rumah Ngindang, Rantau Kemayau Manis, Ulu Engkari, Lubok Antu).

Penyediaan bahan dilakukan mengikut peraturan khusus. Buah pinang, misalnya, akan dipotong berdasarkan jumlah individu yang menjadi tujuan atau penerima manfaat dalam ritual. Jika ritual dilakukan untuk dua orang, maka akan disediakan dua set buah pinang dan setiap set mengandungi tujuh potongan. Daun sirih kemudiannya digulung dan diikat menggunakan benang merah. Proses yang sama turut dilakukan terhadap daun *kelait*, sejenis daun yang diperoleh daripada pokok *gentu* (sejenis pokok pisang liar) di kawasan hutan, dan *rokok apung* yang menjadi satu daripada komponen penting dalam persembahan ritual.

Bagi penyediaan *senupat*, daun *isang* yang diperoleh dari kawasan hutan dianyam terlebih dahulu sebelum diisi dengan beras pulut. Menurut informan, tumbuhan ini tidak tumbuh berhampiran kawasan penempatan rumah panjang dan perlu dicari di lokasi tertentu dalam hutan. Menariknya, bilangan *senupat* yang disediakan berbeza-beza mengikut jantina. Untuk *piring* lelaki, dua *senupat* disediakan, manakala bagi *piring* perempuan hanya satu digunakan, kerana lelaki sifatnya lebih dominan berbanding dengan perempuan.

Selain itu, daun *lengki* (daun pisang hutan) atau daun *sabang* (daun senjuang) digunakan untuk menghasilkan *sungki*, iaitu bekas tradisional bagi menyimpan beras biasa. Beras yang merupakan sebagai simbol persembahan kepada *Petara* (Tuhan) tersebut kemudian direbus bersama-sama telur hingga masak, sebelum disusun dalam dulang persembahan. Keseluruhan proses ini menunjukkan hubungan rapat antara bahan semula jadi, pengetahuan tradisional dan kepercayaan ritual masyarakat Iban.

Pada hari upacara berlangsung, semua bahan yang disediakan disusun semula di dalam *piring* mengikut jumlah individu yang terlibat dalam ritual. Antara bahan tambahan yang turut disediakan termasuklah pulut, *tumpi* (sejenis kuih tradisional Iban yang diperbuat daripada tepung beras) dan *rendai* (bertih beras yang disanggai). Penyusunan akhir ini biasanya dilakukan dalam bilik keluarga terlebih dahulu sebelum *piring* dibawa keluar ke *ruai*, tempat utama pelaksanaan upacara *bedara*.

Sepanjang proses penyediaan, beberapa pantang larang perlu dipatuhi dengan saksama. Telur yang digunakan tidak boleh retak atau pecah, manakala pinggan dan bekas yang digunakan mestilah berada dalam keadaan sempurna tanpa sebarang kerosakan. Begitu juga dengan daun yang digunakan dalam *piring*, semuanya perlu dalam keadaan baik dan tidak koyak. Menurut *indu piring* (wanita yang ditugaskan membawa persembahan makanan), kecacatan pada bahan tersebut dianggap sebagai petanda yang tidak baik dan dapat menjejaskan kesempurnaan ritual. Oleh itu, setiap bahan diperiksa dengan teliti sebelum digunakan, mencerminkan kehalusan adat dan penghormatan masyarakat Iban terhadap *Petara* yang diundang untuk hadir dalam upacara *bedara*.

### **Persiapan Sebelum *Bedara***

Pada awal pagi hari pelaksanaan ritual, suasana di rumah panjang mula dipenuhi dengan pelbagai persiapan. Wanita yang ditugaskan sebagai *indu piring* akan mempersiapkan diri dengan mengenakan busana tradisional Iban yang dikenali sebagai *ngepan Iban*. Tujuannya adalah supaya *Petara* (Tuhan) dan *orang Panggau* (dewa-dewi) akan mengenal orang Iban melalui pakaian tradisional tersebut. Pemakaian *ngepan* bukan sekadar melambangkan identiti budaya, tetapi juga mencerminkan penghormatan terhadap upacara yang akan dilaksanakan. Pada masa yang sama, kaum lelaki yang menjalankan ritual dan upacara *bedara* mengenakan pakaian tradisional, seperti *baju burung* atau *baju sungkit*. Kaum tersebut kemudiannya berkumpul dan menunggu di *ruai*, iaitu ruang utama yang menjadi lokasi pelaksanaan ritual.



**Rajah 4** *Indu piring* lengkap berpakaian *ngepan Iban* sebagai persediaan untuk menghantar piring ke *ruai* bagi ritual dan upacara *bedara*. (Sumber: Koleksi penyelidik, 2025. Kerja lapangan di Rumah Ngindang, Rantau Kemayau Manis, Ulu Engkari, Lubok Antu).

Sebelum *piring* dibawa keluar ke *ruai*, proses penyusunan dilakukan terlebih dahulu dalam bilik, khususnya di bahagian dapur. Semua bahan persembahan yang telah disediakan sehari sebelumnya disusun dengan teliti mengikut aturan adat. Jumlah *piring* yang disediakan mestilah lengkap dalam angka tujuh sebagai tanda meminta pertolongan kepada *Petara* (Tuhan). Menurut informan, angka tersebut mempunyai kedudukan yang istimewa dalam sistem kepercayaan tradisional Iban dan dianggap sebagai syarat penting yang perlu dipatuhi bagi memastikan kelancaran dan kesejahteraan sepanjang ritual berlangsung. Sebarang kekurangan atau kesilapan dalam bilangan *piring* dianggap dapat menjejaskan kesempurnaan upacara.



**Rajah 5** *Piring* yang telah siap disusun sebelum dibawa ke *ruai*. (Sumber: Koleksi penyelidik, 2025. Kerja lapangan di Rumah Ngindang, Rantau Kemayau Manis, Ulu Engkari, Lubok Antu).

Terdapat juga beberapa aturan adat yang perlu dipatuhi oleh *indu piring*. Sekiranya *indu piring* terdiri daripada adik-beradik, susunan perarakan ditentukan mengikut urutan umur, dengan yang sulung berada di hadapan diikuti oleh adik-adiknya. Barisan tersebut tidak boleh dipisahkan oleh individu lain yang bukan anggota kelompok adik-beradik tersebut. Dalam konteks ini, laluan *indu piring* diberikan keutamaan dan tidak boleh diganggu. Sepanjang perjalanan membawa *piring* ke *ruai* (ruang tengah di rumah panjang), orang lain juga tidak dibenarkan melintasi atau menghalang laluan *indu piring*. Oleh itu, semua hadirin biasanya diminta duduk dan menunggu sehingga proses penghantaran dan penyusunan *piring* selesai dilaksanakan.



**Rajah 6** *Indu piring* menghantar *piring* ke *ruai* sebagai persediaan untuk ritual dan upacara *bedara*. (Sumber: Koleksi penyelidik, 2025. Kerja lapangan di Rumah Ngindang, Rantau Kemayau Manis, Ulu Engkari, Lubok Antu).

Setelah segala persiapan selesai, *indu piring* akan bergerak berbaris sambil membawa *piring* masing-masing menuju *ruai*. Pergerakannya diiringi oleh alunan muzik tradisional Iban yang dikenali sebagai *gendang rayah*. Di *ruai*, kaum lelaki memainkan alat muzik yang disebut *tebung* atau *ketebung*, menghasilkan rentak bertalu-talu yang bergema di sepanjang ruang rumah panjang. Menurut pemahaman masyarakat setempat, bunyi tersebut bukan sekadar iringan muzik, tetapi berfungsi sebagai panggilan simbolik kepada *Petara* dan dewa-dewi agar hadir bersama-sama menyaksikan pelaksanaan ritual. Dalam suasana yang penuh tertib dan penghormatan itu, *piring* kemudiannya diletakkan satu per satu di hadapan lelaki yang menunggu di *ruai*, menandakan bermulanya fasa seterusnya dalam upacara *bedara*. Bagi mereka yang didoakan dalam ritual dan upacara *bedara* ini, akan dihulurkan duit dalam nombor ganjil kepada semua yang terlibat sebagai tanda *genselan* (bayaran adat) agar

*tidak alah ayu* (lemah semangat spiritual) ketika melaksanakan proses adat. Upacara ini turut disertakan dengan sebilah besi sebagai simbol kerasnya semangat manusia ibarat besi.

Pemerhatian ketika kerja lapangan menunjukkan bahawa keseluruhan proses ini bukan hanya melibatkan penyediaan bahan ritual, tetapi turut memperlihatkan cara aturan sosial, hubungan kekeluargaan, muzik ritual dan simbolisme kepercayaan saling berinteraksi untuk membentuk pengalaman kolektif masyarakat Iban. Melalui peranan *indu piring*, penyusunan *piring* dan penggunaan muzik ritual, ruang *ruai* berubah menjadi ruang pertemuan antara manusia dengan dunia spiritual yang dipercayai hadir sepanjang berlangsungnya upacara *bedara*.

### Pelaksanaan Ritual dan Upacara *Bedara*

Setelah semua kelengkapan *piring* disusun dengan sempurna di atas tikar *bemban* yang dilapisi dengan *pua sungkit*, upacara *bedara* dimulakan oleh ketua adat, sama ada *tuai adat* (ketua adat) atau *lemambang*. Sebelum bacaan doa dilakukan, ketua adat terlebih dahulu akan berjalan ke luar rumah panjang untuk melaksanakan satu ritual penting, iaitu membuang sedikit air *tuak* ke halaman rumah atau ke dalam parit yang berhampiran. Menurut informan, tindakan ini bertujuan untuk memohon izin daripada roh yang mendiami kawasan sekitar rumah panjang agar tidak mengganggu perjalanan upacara. Pada masa yang sama, air *tuak* juga berfungsi sebagai medium simbolik untuk memanggil *Petara* dan dewa-dewi dari *Panggau Libau*, menandakan bahawa masyarakat Iban sedang mengundangnya untuk hadir melalui *leka sampi* dan *piring* yang telah disediakan.



**Rajah 7** Adat membuang air tuak di halaman rumah sebagai simbol memohon berkat dan mengundang kehadiran *Petara* untuk menyertai ritual dan upacara *bedara*. (Sumber: Koleksi penyelidik, 2025. Kerja lapangan di Rumah Ngindang, Rantau Kemayau Manis, Ulu Engkari, Lubok Antu).

Dalam pelaksanaan *bedara*, beberapa peraturan adat perlu dipatuhi oleh semua yang hadir. Antaranya termasuklah larangan memakai pakaian berwarna hitam. Dalam pemahaman masyarakat Iban, warna hitam dikaitkan dengan keadaan berkabung atau *ngulit*, iaitu simbol kesedihan dan kematian. Warna tersebut dianggap tidak sesuai digunakan dalam upacara yang bertujuan untuk memohon keberkatan dan kesejahteraan. Informan menjelaskan bahawa warna hitam dipercayai tidak disenangi oleh *orang Panggau*, khususnya tokoh sakral, seperti Dewa Keling dan Dewa Bungai Nuing. Pelanggaran terhadap pantang larang ini dikatakan boleh menyebabkan seseorang mengalami *alah ayu*, iaitu keadaan apabila kekuatan spiritual menjadi lemah. Dalam kepercayaan masyarakat setempat, keadaan tersebut dapat menyebabkan seseorang mudah jatuh sakit, pengsan atau ditimpa pelbagai bentuk kesialan akibat melanggar pantang larang (*penti pemali*) yang diwarisi turun-temurun. Oleh itu, pematuhan terhadap adat dianggap sebagai tanggungjawab bersama selama berlangsungnya ritual.

Selepas selesai membuang air *tuak*, ritual *bedara* diteruskan dengan bacaan *leka sampi* oleh *tuai piring*, iaitu individu yang bertindak sebagai perantara antara manusia dengan dunia spiritual. Bacaan tersebut diiringi dengan seekor ayam jantan yang disediakan sebagai *genselan* atau simbol persembahan korban kepada *Petara* (Tuhan) dan *Antu* (semangat). Dalam *leka sampi* yang dibacakan, pelbagai permohonan disampaikan kepada *Petara*, *urang Panggau Libau*, roh nenek moyang dan semangat-semangat baik yang dipercayai melindungi kehidupan masyarakat. Permohonan tersebut meliputi kesejahteraan keluarga, kesuburan tanaman, hasil tuaian yang melimpah, keselamatan penghuni rumah panjang dan perlindungan kepada ahli keluarga yang berada jauh di perantauan. Menariknya, doa turut dipanjatkan untuk kesejahteraan penyelidik yang hadir bersama-sama komuniti pada hari tersebut, mencerminkan sifat inklusif dan keterbukaan masyarakat Iban dalam menghubungkan semua yang hadir dalam ruang ritual yang sama.



**Rajah 8** *Tuai piring* mempersembahkan ayam sebagai *genselan* kepada *Petara* ketika pelaksanaan ritual *bedara*. (Sumber: Koleksi penyelidik, 2025. Kerja lapangan di Rumah Ngindang, Rantau Kemayau Manis, Ulu Engkari, Lubok Antu).

Setelah bacaan *leka* selesai, seekor ayam akan disembelih di luar rumah panjang oleh seorang pemuda yang ditugaskan. Darah ayam tersebut kemudian digunakan sebagai *genselan* untuk menyucikan *piring* yang telah didoakan. Menurut informan, penggunaan darah ayam memadai untuk ritual berskala kecil dan sederhana seperti *bedara*. Walau bagaimanapun, bagi upacara yang lebih besar dan sakral, seperti *Gawai*, contohnya *Gawai Antu* (perayaan untuk mengenang nenek moyang yang telah meninggal) atau *Gawai Kenyalang*, bentuk persembahan korban yang digunakan lebih kompleks dan bergantung pada keperluan ritual yang ditetapkan oleh adat.



**Rajah 9** Penyembelihan ayam sebagai korban persembahan dalam ritual dan upacara *bedara*. (Sumber: Koleksi penyelidik, 2025. Kerja lapangan di Rumah Nginding, Rantau Kemayau Manis, Ulu Engkari, Lubok Antu).

Darah ayam yang diperoleh akan disapukan pada beberapa komponen utama *piring*, khususnya *piring laki* dan *piring indu*. Kedua-dua *piring* ini mempunyai kedudukan yang istimewa dalam ritual kerana melambangkan keseimbangan kehidupan masyarakat Iban di rumah panjang. *Piring laki* dikaitkan dengan sifat perlindungan dan penjagaan, selaras dengan peranan lelaki dalam struktur sosial tradisional. Oleh itu, *piring laki-laki* akan ditempatkan di *ruai* sebagai simbol penjaga rumah panjang. *Piring* tersebut biasanya diletakkan di atas gong yang telah diterbalikkan dan ditutupi dengan *pua kumbu*. *Pua kumbu* digunakan sebagai pelindung bagi orang Iban. Sebaliknya, *piring indu* akan ditempatkan dalam bilik keluarga sebagai simbol perlindungan terhadap ruang domestik dan kesejahteraan isi rumah.

Menurut kepercayaan masyarakat setempat, kedua-dua *piring* ini tidak boleh dialihkan serta-merta selepas ritual selesai. Sebaliknya, dibiarkan berada di tempatnya selama tiga hari tiga malam. Tempoh tersebut dipercayai merupakan masa *Petara* dan *orang Panggau* berkunjung dan menerima persembahan yang telah disediakan oleh penghuni rumah panjang.



**Rajah 10** *Piring laki* dan *piring indu* yang telah disucikan menggunakan darah ayam jantan. (Sumber: Koleksi penyelidik, 2025. Kerja lapangan di Rumah Ngindang, Rantau Kemayau Manis, Ulu Engkari. Lubok Antu).

Apabila semua proses ritual selesai dilaksanakan, suasana rumah panjang berubah daripada ruang ritual kepada ruang perayaan. Masyarakat Iban berkumpul untuk menikmati jamuan makan dan minum yang disediakan sebagai tanda kesyukuran atas kelancaran upacara. Pelbagai jenis makanan tradisional dan minuman dihidangkan kepada tetamu dan penghuni rumah panjang yang hadir. Jamuan tersebut turut diserikan dengan persembahan muzik tradisional Iban, seperti *taboh* (muzik tradisional Iban) dan tarian *ngajat* (tarian tradisional Iban) bagi memeriahkan suasana.

Pada penghujung acara, *tuai rumah* akan menyampaikan ucapan penghargaan dan kesyukuran kepada semua yang terlibat dalam menjayakan ritual tersebut. Ucapan tersebut bukan sahaja menandakan berakhirnya upacara *bedara*, tetapi juga mengukuhkan semangat kebersamaan, gotong-royong dan hubungan sosial dalam kalangan penghuni rumah panjang. Dalam konteks ini, *bedara* bukan sekadar ritual keagamaan atau adat semata-mata, tetapi turut berfungsi sebagai medium yang menghubungkan manusia dengan dunia spiritual, di samping memperkukuh hubungan antara penduduk di rumah panjang.

### **Signifikan Adat *Bedara* dalam Sosiobudaya Iban di Rumah Panjang**

Adat *bedara* mempunyai kedudukan yang penting dalam kehidupan sosiobudaya masyarakat Iban kerana berfungsi sebagai medium untuk memohon kesejahteraan, keharmonian dan perlindungan dalam pelbagai aspek kehidupan. Melalui pelaksanaan ritual ini, masyarakat Iban menzahirkan harapan dan doa kepada *Petara*, *orang Panggau* dan roh nenek moyang agar kehidupan sentiasa berada dalam keadaan aman, selamat dan diberkati.



**Rajah 11** Jamuan makanan dan minuman yang disediakan selepas selesainya ritual dan upacara *bedara*. (Sumber: Koleksi penyelidikan, 2025. Kerja lapangan di Rumah Ngindang, Rantau Kemayau Manis, Ulu Engkari. Lubok Antu).

Dalam konteks pertanian, yang merupakan asas kehidupan tradisional masyarakat Iban, adat *bedara* dilaksanakan untuk memohon kesuburan tanaman, perlindungan daripada serangan penyakit dan hasil tuaian yang melimpah. Kejayaan dalam penanaman padi bukan sahaja menentukan kelangsungan hidup sesebuah keluarga, tetapi turut melambangkan kesejahteraan seluruh komuniti rumah panjang. Oleh itu, doa yang dipanjatkan melalui *bedara* mencerminkan hubungan rapat antara manusia, alam dan dunia spiritual dalam kosmologi Iban.

Bagi yang bekerja dalam sektor kerajaan, sektor swasta atau perniagaan, adat *bedara* menjadi ruang untuk memohon kelancaran rezeki, kesihatan yang baik dan kejayaan dalam kerjaya. Informan menjelaskan bahawa ritual ini sering dilakukan sebagai tanda kesyukuran atas nikmat yang diterima, di samping memohon perlindungan daripada pelbagai kesukaran yang mungkin dihadapi pada masa hadapan. Dalam masyarakat Iban kontemporari, fungsi ritual ini terus relevan walaupun corak pekerjaan telah berubah daripada aktiviti sara diri kepada pekerjaan moden.

Selain itu, adat *bedara* turut mempunyai signifikan yang besar kepada ahli keluarga yang berada di perantauan. Ramai masyarakat Iban pada hari ini berhijrah ke bandar besar untuk tujuan pendidikan, pekerjaan dan perniagaan. Oleh itu, doa dalam *bedara* sering kali merangkumi permohonan agar diberikan keselamatan, dipermudahkan segala urusan dan dilindungi daripada sebarang musibah sepanjang berada jauh daripada keluarga dan rumah panjang. Dalam hal ini, ritual *bedara* berfungsi sebagai mekanisme budaya yang mengekalkan hubungan emosi dan spiritual antara ahli keluarga yang tinggal berjauhan.

Pada masa yang sama, adat *bedara* turut berperanan dalam memperkukuh hubungan sosial dalam komuniti rumah panjang. Persiapan *piring*, penyediaan

makanan, pelaksanaan ritual dan jamuan selepas upacara melibatkan penyertaan ramai anggota komuniti secara gotong-royong. Keadaan ini mewujudkan ruang interaksi sosial yang mengeratkan hubungan kekeluargaan, semangat kebersamaan dan rasa tanggungjawab kolektif dalam kalangan penghuni rumah panjang.

Kepercayaan terhadap keberkesanan ritual *bedara* turut diperkukuh melalui pengalaman dan naratif yang dikongsi oleh informan. Menurut Tuai Rumah Nginding, pernah berlaku suatu peristiwa apabila seorang penduduk dari kawasan hulu bermimpi bertemu dengan *orang Panggau* yang menyampaikan hasrat untuk berziarah ke Rumah Nginding, Rantau Kemayau Manis di Ulu Engkari, Lubok Antu. Dalam mimpi tersebut, *Petara* dikatakan memilih untuk datang ke rumah panjang berkenaan kerana masyarakatnya masih mengingati adat nenek moyang dan terus mengamalkan upacara dan ritual tradisional Iban. Bagi informan, mimpi tersebut ditafsirkan sebagai pengiktirafan daripada dunia spiritual terhadap komitmen komuniti bagi memelihara adat dan kepercayaan warisan.

Selain itu, beliau turut menceritakan satu pengalaman yang berlaku ketika sambutan Gawai beberapa tahun yang lalu. Ketika upacara *bedara* sedang dijalankan di *ruai*, seekor burung helang terlihat terbang mengelilingi rumah panjang. Dalam kosmologi Iban, burung helang merupakan haiwan yang mempunyai kedudukan sakral dan sering dikaitkan dengan petanda baik. Kehadiran burung tersebut ditafsirkan sebagai isyarat keberuntungan kepada komuniti. Menurut informan, tidak lama selepas kejadian tersebut, penduduk rumah panjang menyertai perarakan Gawai dan berjaya muncul sebagai johan, sekali gus membawa pulang hadiah berupa wang tunai sebanyak RM5,000. Peristiwa tersebut terus diingati oleh masyarakat setempat sebagai bukti hubungan antara dunia manusia dengan dunia spiritual yang sentiasa memberikan petunjuk melalui fenomena alam.

## PERBINCANGAN

### **Adat *Bedara* sebagai Mekanisme Memori Budaya dan Kohesi Sosial**

Dari perspektif teori memori budaya yang dikemukakan oleh Jan Assmann, adat *bedara* dapat difahami sebagai satu mekanisme yang membolehkan masyarakat Iban mengekalkan, mengulangi dan memindahkan sistem pengetahuan budaya daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Assmann (2011) menjelaskan bahawa memori budaya tidak hanya disimpan melalui teks atau rekod bertulis, tetapi juga melalui ritual, simbol, objek dan amalan yang dilakukan secara berulang dalam kehidupan sesebuah masyarakat. Dalam konteks ini, *bedara* berfungsi sebagai medium yang menghubungkan masyarakat Iban dengan warisan kepercayaan, kosmologi dan sistem nilai yang diwarisi daripada nenek moyangnya.

Pelaksanaan *bedara* memperlihatkan cara elemen, seperti *piring*, *leka sampi*, *tuak*, darah korban, *pua sungkit* dan peranan *indu piring* bertindak sebagai simbol budaya yang mengandungi makna kolektif. Simbol tersebut bukan sekadar digunakan

dalam ritual, tetapi juga berfungsi sebagai alat pengingat yang menghidupkan kembali pengetahuan tradisional tentang hubungan antara manusia, alam, roh nenek moyang, dan *Petara*. Apabila ritual ini dilaksanakan secara berulang, memori kolektif masyarakat Iban terus diperkukuh dan diwariskan kepada generasi muda melalui pengalaman langsung dan pemerhatian terhadap adat yang berlangsung.

Pada masa yang sama, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa adat *bedara* berperanan penting dalam membentuk solidariti sosial dalam komuniti rumah panjang. Perkara ini sejajar dengan konsep memori kolektif yang diperkenalkan oleh Halbwachs (1992) yang menegaskan bahawa ingatan individu sentiasa dibentuk dan dipelihara dalam kerangka sosial masyarakat. Dalam konteks rumah panjang Iban, penyediaan *piring*, pelaksanaan ritual, jamuan bersama dan penyertaan komuniti mewujudkan pengalaman kolektif yang mengukuhkan hubungan sosial antara ahli keluarga dengan penduduk rumah panjang. Ritual ini bukan sahaja menjadi ruang untuk berdoa, tetapi juga menjadi mekanisme untuk mengekalkan rasa kebersamaan dan identiti komuniti.

Selain itu, adat *bedara* turut memperlihatkan hubungan yang erat antara ruang sosial dengan amalan budaya. Ruang *ruai* yang digunakan sebagai lokasi utama ritual bukan sekadar ruang fizikal, tetapi juga berfungsi sebagai ruang sosial yang sarat makna budaya. Berdasarkan konsep ruang hidup (*lived space*) yang dikemukakan oleh Lefebvre (2012), sesuatu ruang memperoleh makna melalui pengalaman, interaksi dan amalan sosial yang berlaku di dalamnya. Dalam kajian ini, *ruai* menjadi ruang pertemuan antara manusia dengan dunia spiritual melalui pelaksanaan ritual *bedara*. Melalui aktiviti tersebut, ruang rumah panjang bukan sahaja berfungsi sebagai tempat kediaman, tetapi juga menjadi pusat pemeliharaan identiti budaya dan sistem kepercayaan masyarakat Iban.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa fungsi adat *bedara* mengalami proses penyesuaian mengikut perubahan zaman tanpa menghilangkan makna asasnya. Jika pada masa lalu, doa lebih tertumpu pada hasil pertanian dan kesejahteraan komuniti rumah panjang, pada hari ini permohonan yang sama turut merangkumi kejayaan pendidikan, kerjaya, kesihatan dan keselamatan ahli keluarga yang berada di bandar. Keadaan ini menunjukkan bahawa memori budaya bukan sesuatu yang statik, tetapi sentiasa disesuaikan dengan konteks sosial semasa. Seperti yang diujahkan oleh Assmann (2011), tradisi budaya akan terus relevan apabila masyarakat mampu mentafsir dan menghubungkannya dengan keperluan kehidupan kontemporari.

## KESIMPULAN

Kajian ini mendokumentasikan adat *bedara* yang masih diamalkan oleh masyarakat Iban di Rumah Ngindang, Rantau Kemayau Manis, Ulu Engkari, Lubok Antu, Sarawak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa *bedara* bukan sekadar ritual

keagamaan tradisional, tetapi merupakan satu amalan budaya yang menggabungkan unsur kepercayaan, hubungan sosial, memori budaya dan representasi visual dalam kehidupan masyarakat Iban. Melalui penyediaan *piring*, penggunaan tekstil, pakaian ritual, bacaan *leka sampi* dan pelbagai perlakuan adat yang lain, masyarakat Iban mengekalkan hubungannya dengan *Petara*, *urang Panggau* dan roh nenek moyang yang menjadi sebahagian daripada kosmologi tradisionalnya.

Kajian ini turut menunjukkan bahawa ritual *bedara* mengandungi sistem budaya visual yang tinggi dan sakral berdasarkan kebudayaan dan kepercayaan terhadap alam, kosmologi, tradisi lisan dan objek budaya yang ada di rumah panjang. Penggunaan objek, seperti *piring*, *senupat*, benang merah, darah korban, *pua sungkit* dan *ngapan Iban* bukan sahaja mempunyai fungsi ritual, tetapi turut berperanan sebagai simbol budaya bagi menyampaikan makna, nilai dan identiti komuniti. Susunan objek, penggunaan warna dan pengaturan ruang ritual memperlihatkan cara masyarakat Iban menzahirkan pandangan dunia melalui bentuk visual yang diwarisi secara turun-temurun. Dalam konteks ini, ritual *bedara* dapat difahami sebagai suatu bentuk representasi budaya yang membolehkan pengetahuan dan kepercayaan masyarakat dipersembahkan dan difahami secara kolektif.

Selain itu, dapatan kajian memperlihatkan bahawa adat *bedara* masih mempunyai fungsi yang signifikan dalam kehidupan masyarakat Iban kontemporari. Ritual ini terus dilaksanakan untuk memohon kesejahteraan, kesihatan, keselamatan, keharmonian keluarga, kejayaan dalam pekerjaan dan perlindungan kepada ahli keluarga yang berada di perantauan. Pada masa yang sama, pelaksanaan ritual secara bersama-sama turut memperkukuhkan hubungan sosial, semangat gotong-royong dan rasa kebersamaan dalam komuniti rumah panjang. Hal ini menunjukkan bahawa adat *bedara* bukan sahaja memenuhi keperluan spiritual, tetapi juga berfungsi sebagai mekanisme yang mengukuhkan kohesi sosial dalam masyarakat.

Dari perspektif budaya visual dan memori budaya, ritual *bedara* berperanan sebagai medium pemeliharaan warisan budaya tidak ketara masyarakat Iban. Pengetahuan mengenai penyediaan *piring*, simbolisme objek, pantang larang dan pelaksanaan ritual ditransmisikan melalui pemerhatian, pelibatan dan pengalaman langsung antara generasi. Proses ini membolehkan nilai, kepercayaan dan identiti budaya terus dipelihara walaupun masyarakat berhadapan dengan perubahan sosial, agama dan globalisasi. Oleh itu, ritual *bedara* bukan sekadar tinggalan tradisi masa lalu, tetapi merupakan warisan budaya yang masih hidup dan terus diberikan makna oleh komuniti yang mengamalkannya.

Secara keseluruhan, kajian ini menyumbang pemahaman yang lebih mendalam tentang adat *bedara* sebagai bentuk budaya visual dalam kalangan masyarakat Iban. Kajian ini juga memperlihatkan bahawa ritual tradisional bukan sahaja penting sebagai amalan kepercayaan, tetapi juga berfungsi sebagai ruang penghasilan makna, pemeliharaan memori budaya dan pembentukan identiti komuniti. Oleh itu, usaha dokumentasi dan penyelidikan yang berterusan terhadap ritual, seperti *bedara*

amat penting untuk memastikan warisan budaya masyarakat Iban terus dipelihara dan dihargai oleh generasi pada masa akan datang.

## **PENGHARGAAN**

Penulis merakamkan penghargaan kepada Universiti Malaya atas sokongan melalui Geran Penyelidikan BKP058-2024-ECRG: *Mapping the Sungkit Weaving Patterns of the Iban Community in Batang Ai: Efforts to Inventory Intangible Cultural Heritage* yang membiayai kajian ini. Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada komuniti Iban di Rumah Ngindang, Rantau Kemayau Manis, Ulu Engkari, Sarawak, khususnya *Tuai Rumah*, *Tuai Adat*, *tuai piring*, *indu piring* dan semua penduduk rumah panjang yang memberikan kerjasama, berkongsi pengetahuan dan membantu sepanjang kerja lapangan dijalankan. Penghargaan juga kepada kumpulan penyelidik yang membantu dalam proses pengumpulan data, iaitu Dr. Wahyuni, Dr. Raja Farah dan Dr. Marlenny dari Fakulti Seni Kreatif, Universiti Malaya.

## **SUMBANGAN PENGARANG**

Selaku penulis tunggal, pengarang bertanggungjawab terhadap seluruh penulisan makalah ini.

## **PENDANAAN**

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

## **PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA**

Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam makalah ini.

## **PERISYTIHARAN**

Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dalam kajian ini.

## **RUJUKAN**

- Assmann, J. (2011). *Cultural memory and early civilization: Writing, remembrance, and political imagination*. Cambridge University Press.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2016). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (ed. ke-4). Sage.
- Denzin, N. K. (2017). *The research act: A theoretical introduction to sociological methods* (ed. ke-2). McGraw-Hill.
- Davenport, W. H. (2000). Hornbill carvings of the Iban of Sarawak, Malaysia. *RES: Anthropology and Aesthetics*, 37(1), 127–146.
- Freeman, D. (1970). *Report on the Iban*. Athlone Press.
- Gavin, T. (2003). *Iban ritual textiles*. National University of Singapore Press.

- Gregory Kiyai @ Keai. (2024). Art and aesthetics in the Papan Turai Gawai Batu. *The Sarawak Museum Journal*, 88(109), 55–72. <https://doi.org/10.61507/smj22-2024-VBXX-03>
- Hall, S. (1997). *Representation: Cultural representations and signifying practices*. Sage Publications.
- Hall, S. (1990). The emergence of cultural studies and the crisis of the humanities. *The Humanities as Social Technology*, 53, 11–23.
- Halbwachs, M. (1992). On collective memory. Dlm. L. A. Coser (Pnyt. & Penterj.) University of Chicago Press. (Original work published 1950).
- Harrison, T. (Pnyt.). (1966). Borneo writing and related matters (*Sarawak Museum Journal Special Monograph* No. 1). Sarawak Museum.
- Heppell, M., Limbang Melaka, & Enyan Usen. (2005). *Iban art: Sexual selection and severed heads*. KIT Publishers.
- Henri, L. (1991). *The production of space*. Blackwell Publisher.
- Masing, J. J. (1981). *The coming of the gods: A study of an invocatory chant (Timang Gawai Amat) of the Iban of the Baleh River region of Sarawak* [Tesis kedoktoran, Australian National University].
- Masing, J. J. (1998). *The coming of the gods: An Iban invocatory chant (Timang Gawai Amat) of the Baleh River region, Sarawak*. Borneo Literature Bureau.
- Mirzoeff, N. (1999). *An introduction to visual culture*. Routledge.
- Osman, M. T. (1988). The concept of national culture: The Malaysian case. *Bunga rampai: Aspects of Malay culture*, 276.
- Sather, C. (2016). The Sugi sakit ritual storytelling in a Saribas Iban rite of healing. *Wacana, Journal of the Humanities of Indonesia*, 17(2), 251–277. <https://doi.org/10.17510/wacana.v17i2.442>
- Sather, C. (2021). Life, death and journeys of regeneration in Saribas. *Austronesian Paths and Journeys*, 8, 127–160. <https://doi.org/10.2307/j.ctv1prsr48.10>
- Sandin, B. (1967). *The sea dayaks of Borneo before white rajah rule*. Macmillan.
- Sandin, B. (1977). Tusut. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 50(1), 1–3. <http://www.jstor.org/stable/41492153>
- Sather, C. (2001). *Seeds of play, words of power: An ethnographic study of Iban shamanic chants*. Tun Jugah Foundation.
- Ting-Toomey, S. (2013). Managing conflict in intimate intercultural relationships. In *Conflict in personal relationships* (hlm. 47–77). Routledge.
- Uchibori, M. (1986). The ritual lament of the Iban of Sarawak. In *Cultural Contact and Textual Interpretation* (hlm. 315–328). Brill. [https://doi.org/10.1163/9789004454170\\_022](https://doi.org/10.1163/9789004454170_022)